

14 SEP 2001

Ling-Yemen

MALAYSIA-YEMEN SETUJU BEKERJASAMA DALAM PERKHIDMATAN UDARA

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Yemen telah menandatangani teks perjanjian perkhidmatan udara dua hala (ASA) dan mengadakan memorandum persefahaman (MOU) bagi perjanjian perkhidmatan udara antara kedua-dua negara.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata MoU itu menyediakan perjanjian fleksibel yang membolehkan syarikat penerbangan kedua-dua negara untuk merancang dan mengadakan perkhidmatan udara antara Malaysia dan Yemen dalam masa terdekat ini.

Buat masa ini Yemen Airways mengadakan perkhidmatan hanya ke Mumbai, di timur India dan belum mengadakan perkhidmatan di rantau ini.

"MAS (Malaysia Airlines) tidak mempunyai sebarang perkhidmatan ke Yemen tetapi akan mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan atas perjanjian perkongsian kod," katanya kepada pemberita pada persidangan akhbar bersama dengan Menteri Pengangkutan dan Hal Ehwal Marin Yemen Kapten Saeed Abdullah Al-Yafe'e di sini hari ini.

Delegasi dari Yemen itu melawat Malaysia sejak 4 Sept atas jemputan Dr Ling semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yemen bulan lepas.

Menteri Yemen itu turut menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam mengadakan latihan bagi kakitangan penerbangan di Kolej Penerbangan Awam Malaysia.

Dr Ling juga berkata Malaysia dan Yemen bersetuju secara dasarnya untuk mengadakan perjanjian pelabuhan antara Yemen Ports Authority dengan Lembaga Pelabuhan Klang.

"Bidang yang menjadi tumpuan ialah mengadakan perjanjian pertukaran maklumat udara, bantuan teknikal, kajian pelabuhan dan latihan pekerja pelabuhan.

"Fokus utamanya ialah pembangunan dagangan antara Yemen dan Malaysia," katanya.

Saeed Abdullah berkata Yemen Ports Authority menawarkan Lembaga Pelabuhan Klang untuk bersama membangun dan menguruskan sebahagian daripada Pelabuhan Aden yang kini diuruskan olehnya.

Usahasama ini akan meningkatkan kerjasama dan pembangunan dagangan antara Malaysia dan Yemen serta kawasan sekitar, katanya.

Saeed turut meminta kerajaan mendapatkan kerjasama syarikat perkapalan Malaysia untuk memberikan latihan bagi pelaut Yemen, terutama pegawai kadet dek dan pegawai kadet kejuruteraan, di atas kapal Malaysia.

Beliau turut mempelawa syarikat Malaysia menceburi projek pembinaan lapangan terbang dan pelabuhan di Yemen yang mempunyai hala tuju baru.

"Saya rasa banyak skop bagi syarikat Malaysia untuk datang dan bekerja di Yemen sama ada dalam sektor pelancongan atau pembangunan," katanya.

Semasa lawatannya di sini, rombongan Yemen itu melawat dan diberi taklimat mengenai pembangunan di Jabatan Penerbangan Amam, Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA), Pelabuhan Klang dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Lawatan Saeed Abdullah dan pelbagai kerjasama yang dipersetujui antara Malaysia dan Yemen merupakan petanda baik dalam memenuhi hasrat bersama kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi hubungan terutama dalam bidang pengangkutan.

-- BERNAMA

RZS HS RON